

Masih dahului pungutan pingat keseluruhan UiTM bidik emas terakhir

Oleh AIZAWATI AHMAD

sukan@utusan.com.my

SUBANG - Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang diperkuatkan dengan kehadiran penembak kebangsaan, Muslifah Zulkifli merangkul emas terakhir acara menembak pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2012 (SUKIPT) di Lapang Sasar Menembak Subang di sini, semalam.

Dalam aksi akhir acara 10 meter *Air Rifle* wanita, penembak berusia 27 tahun itu ternyata cukup handal untuk disaingi peserta-peserta lain apabila membidik 493.2 mata untuk merangkul pingat emas buat UiTM.

Cuba memberikan saingan kepada Muslifah ialah rakan sepasukan dalam skuad kebangsaan, Nurfarah Afiqah Mohd. Taufekh dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang akhirnya terpaksa akur menamatkan saingan di tempat kedua untuk pingat perak setelah mengumpul 487.7 mata.

Seorang lagi penembak UiTM, Rosshafira Mohd. beraksi cemer-



MUSLIFAH ZULKIFLI

lang apabila dia yang berada di kedudukan keempat sebelum bermula pertembungan akhir, semalam telah memintas rakan sepasukan Nur Farah Afiqah Mohd. Noh untuk meraih gangsa dengan bidikan keseluruhan 482.7 mata.

Muslifah ketika ditemui pemberita selepas pertandingan tamat berkata, dia bermula baik pada aksi akhir tersebut, namun mencatat kemerosotan pada pertengahan saingan.

“Saya mula hilang fokus pada ketika itu apabila melakukan kesilapan dari segi teknik membidik, tetapi selepas itu saya cuba perbaiki pungutan mata untuk menjuarai cabaran ini,” katanya yang turut disenaraikan dalam program *Road To Rio 2016*.

Muslifah yang turut merangkul emas dalam acara berpasukan 10m *Air Rifle* wanita bergandingan dengan Nurul Farah Afiqah dan Rossahfira memberitahu, tumpuannya selepas SUKIPT ialah pada siri kejohanan dunia yang bakal disertainya tahun depan.



PASUKAN UPM ceria selepas dinobatkan juara keseluruhan acara menembak SUKIPT 2012 di Subang, semalam.

Pada hari terakhir, semalam UPM muncul juara keseluruhan apabila mengumpul tiga emas, tiga perak dan dua gangsa, manakala UiTM di tangga

kedua setelah membawa pulang dua emas, dua perak serta dua gangsa.

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang menghuni tempat ketiga me-

raih dua emas, sementara Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) merangkul satu emas menamatkan saingan di tangga keempat.

Sukan Institusi Pengajian Tinggi



KEDUDUKAN

	Medals	Gold	Silver	Bronze
UiTM	28	12	24	
UPM	24	12	10	
USM	9	11	9	
UM	8	11	9	
UTM	7	7	4	
UTHM	6	5	0	
KK Sabah	6	0	1	
UPSI	5	5	4	
UUM	4	3	4	
UPNM	4	2	6	
Uni. Taylor's	4	2	1	

JADUAL (HARI INI)

9 pagi: Taekwando, Stadium Tertutup Nilai

9 pagi: Memanah, Stadium UPM, Serdang

3 petang: Renang, Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil



SUKIPT

28 Oktober - 11 November 2012
www.sukipt.com.my